

Kajian Terhadap Kepercayaan Masyarakat Terhadap Institusi Pengurusan Waqaf di Malaysia

A Study on Community's Beliefs in Waqf Management Institutions in Malaysia

**Suraini Saufi¹, Nurul Akma Mohamed², Mujiburrahman Saleh³, Hamidi
Abdul Ghani⁴ & Sabree Noor⁵**

- ¹ (Corresponding Author) Department of Muamalat, Sultan Ismail Petra International College, 15730, Malaysia. e-mail: suraini@kias.edu.my
- ² Department of Syariah, Sultan Ismail Petra International College, 15730, Malaysia. e-mail: nurulakma@kias.edu.my
- ³ Department of Muamalat, Sultan Ismail Petra International College, 15730, Malaysia. e-mail: mujiburrahmanmohdsaleh@gmail.com
- ⁴ Department of Syariah, Sultan Ismail Petra International College, 15730, Malaysia. e-mail: al_humaidi011@yahoo.com
- ⁵ (Research Assistant) Sultan Ismail Petra International College, 15730, Malaysia. e-mail: sabrimn90@yahoo.com

ABSTRAK

Isu kepercayaan masyarakat terhadap institusi agama seperti institusi pengurusan wakaf masih lagi didebatkan. Ini adalah kerana institusi pengurusan wakaf memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi umat Islam. Di Malaysia, pengurusan dan pentadbiran harta wakaf diuruskan di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Walaupun berlakunya peningkatan dalam amalan berwakaf seperti wakaf tanah, wakaf tunai, hotel wakaf, saham wakaf, hospital wakaf dan universiti wakaf, ekonomi umat Islam di Malaysia masih lagi tidak mencapai tahap yang membanggakan. Sehubungan dengan itu, tahap kepercayaan masyarakat terhadap institusi ini perlu dikaji untuk melihat dengan lebih jelas tanggapan ini di kalangan masyarakat. Metodologi kajian yang digunakan adalah berdasarkan kaedah kuantitatif berbentuk deskriptif. Borang soal selidik telah diedarkan di kalangan masyarakat Malaysia di mana sebanyak 518 data telah diperolehi dan dianalisis dengan melihat kepada skor Min. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kepercayaan masyarakat Malaysia ke atas konsep wakaf adalah pada tahap memuaskan. Diharapkan dapatan dari kajian boleh menjadi rujukan ramai pihak dalam membantu meningkatkan lagi kredibiliti, imej dan pembangunan institusi wakaf pada masa hadapan.

Kata Kunci: Perspektif; Wakaf; Kepercayaan

ABSTRACT

The issue of community trust in religious institutions such as waqf management institutions is still being debated. This is because waqf management institutions play an essential role in the economic development of Muslims. In Malaysia, the management and administration of waqf property is managed under the State Islamic Religious Council (MAIN). Despite the increase in waqf practices such as land waqf, cash waqf, hotel waqf, waqf shares, waqf hospital and waqf universities, the economy of Muslims in Malaysia has not yet reached a proud level. Accordingly, this institution's level of public trust needs to be studied to see this community's perception clearly. The research methodology used is based on descriptive quantitative methods. Questionnaires were distributed among the Malaysian community where a total of 518 data were obtained and analyzed by looking at the Min score. The results of the study found that the level of trust of the Malaysian community on the concept of waqf is at a satisfactory level. It is hoped that the findings from the study can be a reference for many parties in helping to further enhance the credibility, image and development of waqf institutions in the future.

Keywords: *Perspective; Waqf; Beliefs*

1. Pendahuluan

Kepercayaan memainkan peranan penting dalam kehidupan bermasyarakat. Tanpa kepercayaan, sebarang ikatan tidak dapat diwujudkan atau dibentuk (Ishii, 2007). Kepercayaan merupakan dasar dalam membangun suatu hubungan antara individu, kelompok atau institusi. Dalam konteks kehidupan demokrasi, kepercayaan masyarakat terhadap institusi kerajaan menjadi sangat penting dan vital. Institusi yang mendapatkan kepercayaan masyarakat akan memiliki legitimasi dan kewibawaan untuk menjalankan tugas-tugasnya. Masyarakat yang memiliki kepercayaan terhadap institusi ini lebih memiliki kemahuan untuk terlibat dalam segala aktiviti kehidupan yang diselenggarakan oleh institusi tersebut (Castillo,2011).

Di Malaysia, terdapat banyak institusi kerajaan dan bukan kerajaan yang menguruskan dan memajukan lagi sosioekonomi masyarakatnya. Antaranya ialah institusi pengurusan wakaf. Institusi wakaf dianggap penting dalam pembangunan ekonomi umat Islam di dunia. Harta wakaf dijadikan sebagai sumber pendapatan dalam membiayai aktiviti kebajikan masyarakat, pendidikan, keagamaan, kesihatan dan sebagainya. Antara bukti wakaf yang masih ada sehingga hari ini ialah Universiti Al-Azhar, Mesir. Universiti al-Azhar dibiayai sepenuhnya oleh perbadanan wakaf negara Mesir sehingga hari ini. Perkembangan dan kemajuan dalam institusi wakaf akan dapat dicapai sekiranya masyarakat mempercayai dan memahami akan kepentingan berwakaf. Dengan adanya tahap kepercayaan yang tinggi, institusi wakaf akan mencapai tahap perkembangan yang baik.

Pada awalnya, tahap kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf di Malaysia masih berada di tahap sederhana kerana wujudnya tanah-tanah wakaf yang terbiar dan tidak diurus dengan sempurna. Terdapat juga tanah-tanah wakaf yang terbiar telah menyebabkan kurangnya minat pelabur dalam membangunkan tanah-tanah tersebut oleh kerana kedudukan tanah tersebut yang tidak strategik (Norhaliza, 2009). Namun kini sedikit sebanyak telah berlaku perubahan ke arah yang lebih positif dengan adanya pembangunan wakaf yang lebih efisien, teratur dan yakinkan masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf di Malaysia. Malah ramai ahli-ahli korporat yang turut terlibat dalam menjadi sebahagian daripada pewakaf di negara kita.

Wakaf di Malaysia kini telah melalui pelbagai inovasi dalam menghasilkan sistem wakaf yang produktif. Antara projek wakaf yang telah diperkenalkan adalah seperti perhotelan wakaf, klinik wakaf, hospital, lot kedai serta premis perniagaan dan lain-lain. Malah produk untuk dana wakaf juga diperkenalkan seperti wakaf harta, wakaf tunai, wakaf tanah, Skim Infaq dan lain-lain. Perkembangan projek-projek dan produk-produk wakaf yang telah diperkenalkan oleh institusi wakaf secara langsung dapat memberi keyakinan dan kepercayaan kepada masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf di Malaysia.

Malangnya, berdasarkan statistik Yayasan Wakaf Malaysia dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) mendapati daripada kira-kira 30,000 hektar tanah wakaf di seluruh negara, hanya 13 peratus sahaja yang dimajukan! Selebihnya 87 peratus atau 26,100 hektar masih belum diusahakan sepenuhnya. Perkara ini didedahkan dalam Sinar Harian oleh BERNAMA pada 26 Jun 2019. Perkara sebegini akan mengurangkan lagi tahap kepercayaan masyarakat terhadap kecekapan dan kepakaran institusi pengurusan wakaf dalam negara. Oleh sebab itu, kajian berterusan mengenai kepercayaan masyarakat terhadap institusi ini perlu dilakukan agar pihak pengurusan wakaf peka terhadap isu yang berlaku.

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf di Malaysia. Secara khususnya pula, kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut iaitu mengkaji dan mengenal pasti tahap kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf.

2. Ulasan Kajian Lepas

Mayer, Davis dan Schoorman (1995) mendefinisikan kepercayaan dalam konsep kemampuan, kebaikan dan integriti. Manakala Lewicki, R.J. & Wiethoff, C. (2000) deskripsi kepercayaan sebagai keyakinan individu dan kemahuan untuk bertindak atas dasar kata-kata, tindakan, dan keputusan

orang lain. Hal-hal yang dapat menyebabkan seseorang mempercayai orang lain iaitu berkembangnya sistem kepercayaan melalui pengalaman hidup seseorang, aturan atau norma yang ada pada lembaga atau masyarakat dan adanya pengalaman saat menjalin hubungan. Singh dan Sirdeshmukh (2000) pula menekankan kepercayaan kepada institusi dalam beberapa aspek seperti mematuhi peraturan, boleh dijadikan rujukan, menyediakan kemudahan dan selamat.

Kepercayaan merupakan satu konsep yang luas. Terdapat banyak kajian yang membincangkan tentang kepercayaan sejak berabad yang lalu. Blind (2007) pernah membangkitkan isu bahawa masyarakat telah hilang kepercayaan terhadap institusi awam. Isu ini diulang lagi oleh Bannister dan Connoly (2011). Mereka menyatakan bahawa untuk mengekalkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi awam atau kerajaan adalah merupakan elemen penting dan ia boleh membentuk dan memodenkan lagi proses. Kepercayaan juga boleh ditingkatkan dengan melibatkan masyarakat dalam proses tersebut (Bertot, Jaeger & Grimes, 2012). Berikutan kepentingan dan meluasnya konsep kepercayaan, maka kajian mengenainya masih berterusan sehingga ke hari ini. Antara yang terkini adalah kajian kepercayaan dalam kualiti dan keselamatan produk makanan (Skripnuk, Davydenko, Romashkina & Khuziakhmetov, 2021), kajian kepercayaan sebagai pengantara di antara hubungan kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelajar (Saufi & Razaki, 2020) dan kepercayaan terhadap minat membeli secara online (Kusumawati & Saifudin, 2020) dan kepercayaan warganegara terhadap institusi di waktu pandemik Covid-19 (Esaiasson, Sohlberg, Ghersetti, & Johansson, 2020).

Manakala dalam pengurusan wakaf, penulisan dan kajian mengenai kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf kurang dilaksanakan. Kebanyakan kajian yang dilakukan lebih tertumpu kepada isu dan cabaran pelaksanaan wakaf dalam aspek perundangan serta isu semasa mengenainya (Yusoff, Liyana, Yousop & Mara, 2019 ; Khamis & Che Mohd Salleh, 2018; Mahmood, Mustaffha, Musafar Hameed & Johari, 2017; Nor Aishah, Azila & Fidlizan, 2015). Topik ini hanya dibincangkan secara tidak langsung dan tidak memberi fokus secara menyeluruh bagi meningkatkan tahap kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf di Malaysia.

Kajian sebelum ini juga bersetuju bahawa tahap kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf amatlah rendah. Institusi wakaf seharusnya menunjukkan nilai-nilai yang positif terutamanya pihak yang diberi amanah dalam menguruskan harta pewakaf bagi mengelak dari berlakunya salah guna kuasa dan sebagainya. Menurut Ahmad Fatin (2017), terdapat segelintir masyarakat yang masih terkeliru dengan pengertian wakaf dan tidak dapat membezakan di antara wakaf dengan sedekah. Hal ini terjadi kerana kurangnya kefahaman masyarakat terhadap pengertian Wakaf. Namun tidak semua berpendapat sebegitu, malah masih ramai masyarakat di

Malaysia yang bersikap positif dalam melaksanakan ibadah wakaf dengan memberi kepercayaan sepenuhnya kepada institusi pengurusan wakaf di negara kita.

Walaubagaimanapun, Sayin (2006) dalam kajian yang dilakukan ke atas warga UiTM di zon Tengah iaitu Selangor, Perak dan Negeri Sembilan, mendapati bahawa tahap kefahaman responden telah berada di tahap sederhana walaupun terdapat segelintir responden yang mempunyai pengalaman dalam berwakaf. Ini menunjukkan hasil kajian masih lagi di tahap sama ada rendah atau sederhana dan masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Begitu juga dengan hasil dapatan daripada kajian Saufi, Mohamed, Abdul Ghani dan Muhammad Saleh (2020) dalam satu kajian kes di Kelantan. Di antara soalan yang diketengahkan dalam kajian ini ialah wakaf merupakan satu bentuk sedekah, sesiapa sahaja boleh mewakafkan hartanya, harta yang diwakafkan tidak boleh dijual beli. Pengkaji juga mencadangkan agar kefahaman mengenai wakaf harus diketengahkan di peringkat sekolah lagi bagi menggalakkan amalan berwakaf ini untuk terus berkembang di kalangan masyarakat. Dapatan ini menyokong kajian daripada Farhana (2014) sebelum ini yang mendapati bahawa tahap kesedaran dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf adalah berbeza mengikut negeri disebabkan daripada pendekatan MAIN yang berbeza dalam menguruskan pembangunan harta wakaf.

Sebelum daripada itu, kajian daripada Anan (2012) menyatakan bahawa institusi wakaf pada zaman itu telah mula membangun di mana turut memfokuskan kepada pembangunan dari aspek ekonomi seperti pembinaan hotel-hotel wakaf oleh pihak MAIN dengan kerjasama pihak kerajaan. Pembangunan sektor perhotelan telah menaikkan sedikit sebanyak menambah peluang pekerjaan terutamanya kepada masyarakat Islam di Malaysia. Hasil daripada sektor ini juga telah memberi banyak manfaat terutamanya kepada golongan penerima Wakaf, malah dapat meningkatkan ekonomi umat Islam di Malaysia. Institusi pengurusan wakaf yang profesional juga telah meningkatkan kesedaran dan kepercayaan masyarakat untuk berwakaf.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan adalah berbentuk kajian kuantitatif. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah dari soal selidik. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan secara rawak melibatkan orang awam di seluruh Malaysia untuk dijadikan sampel dalam kajian ini. Bagi melihat tahap kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf, dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif bagi menganalisis maklumat balasan responden serta melihat pada kadar min. Instrumen kaji selidik diadaptasi daripada kajian Singh dan Sirdeshmukh (2000).

3.1 Populasi

Populasi kajian adalah melibatkan seluruh rakyat Malaysia yang berumur 15 tahun ke atas bertujuan untuk melihat penerimaan seluruh masyarakat Malaysia terhadap amalan wakaf di Malaysia. Menurut statistik jumlah penduduk Malaysia yang berumur 15 tahun ke atas pada tahun 2020 adalah seramai 25 juta (Perangkaan Malaysia, 2020).

3.2 Sampel Kajian

Krejcie & Morgan (1970) mencadangkan 384 sampel sebagai mencukupi bagi populasi 1,000,000 atau lebih bagi penentuan sampel saiz bagi kajian dalam sains sosial dan tingkah laku manusia. Kajian ini menggunakan pakai sampel 500 data daripada responden.

3.3 Teknik Pengambilan Sampel

Teknik pengambilan sampel yang digunakan ialah teknik sampel kemudahan atau *convenience sampling*. Sampel kemudahan adalah jenis kaedah pensampelan tidak berkemungkinan di mana sampel diambil dari sekumpulan orang yang senang dihubungi atau dijangkau (Saunders, 2012) Menurut Sekaran (2006), pengertian *convenience sampling* juga adalah kutipan data atau maklumat- maklumat-maklumat daripada anggota-anggota populasi yang bersetuju untuk memberikan informasi atau menjawab kaji selidik tersebut.

3.4 Sumber dan Jenis Data

Sumber data yang digunakan pada penelitian ini adalah data primer. Creswell dan Plano (2011) mendefinisikan data primer sebagai sumber data yang secara langsung memberikan data kepada pengumpul data. Penyelidik memperoleh data secara langsung dari responden melalui penyebaran kaji selidik kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

4. Dapatan dan Perbincangan

Berikut adalah analisis daripada soalan-soalan yang diajukan kepada responden melalui borang soal selidik bagi mengenal pasti tahap kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf. Berdasarkan Jadual 1, kebanyakan responden bersetuju dengan pernyataan “Saya percaya sistem pengurusan wakaf adalah baik” dengan kutipan seramai 291 orang (56.2%) sangat setuju, seterusnya diikuti dengan 195 orang (37.6%) yang setuju, 24 orang (4.6%)

tidak pasti, 2 orang (0.4%) tidak setuju dan 6 orang (1.2%) sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Min bagi pemboleh ubah ini adalah 4.47.

Jadual 1: Saya percaya sistem pengurusan wakaf adalah baik

<i>Pemboleh ubah</i> Min	Petunjuk	Peratus
<i>Saya percaya sistem pengurusan Wakaf adalah baik</i> 4.47	Sangat tidak setuju	1.2 %
	Tidak setuju	0.4 %
	Tidak Pasti	4.6 %
	Setuju	37.6 %
	Sangat setuju	56.2 %

Jadual di atas dengan min 4.47 daripada 5 membuktikan bahawa masyarakat Malaysia masih percaya bahawa sistem pengurusan wakaf adalah baik walaupun tidak di tahap yang paling memuaskan tetapi lebih daripada separuh responden sangat setuju dan percaya dengan pernyataan tersebut. Penubuhan institusi-institusi wakaf umumnya adalah bertujuan untuk meningkatkan nilai tambah dalam pengurusan harta wakaf dan membudayakan amalan wakaf ke arah membangunkan ekonomi ummah secara cekap berdasarkan hukum syarak. Penubuhan ini juga adalah sejajar dengan usaha untuk membangunkan setiap tanah wakaf yang terbiar dan tidak diuruskan dengan baik. Dengan adanya institusi sebegini, urusan berkaitan tanah wakaf dan juga wakaf tunai lebih tersusun dan diuruskan dengan cekap oleh individu yang berkemahiran dalam pengurusan wakaf (Hassan, Abdul Rahman & Yazid, 2013). Antara contoh institusi pengurusan yang bagus ialah Perbadanan Wakaf Selangor yang turut sama berfungsi untuk :

- i- merancang, membangun, melaksana dan menggalakkan pembangunan dan pelaksanaan harta dan produk wakaf.
- ii- mengurus dan menjalankan pengendalian serta penyelenggaraan harta wakaf termasuk kemudahan, infrastruktur, tempat dan alat di kawasan harta wakaf tersebut.
- iii- menggalakkan, menyelaraskan dan melaksanakan kajian serta pembangunan di dalam semua aspek harta dan produk wakaf.

Sistem ini mendapat kepercayaan masyarakat dari segi pengurusan yang telah dilaksanakan.

Jadual 2 menunjukkan responden bersetuju dengan pernyataan “Saya percaya sistem pengurusan wakaf mematuhi peraturan” dengan kutipan seramai 258 orang (49.8%) setuju, seterusnya diikuti dengan 216 orang (41.7%) yang sangat setuju dengan pernyataan ini, 36 orang (6.9%) tidak

pasti, 4 orang (0.8%) tidak setuju dan 4 orang (0.8%) sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Min bagi pemboleh ubah ini adalah 4.31.

Jadual 2: Saya percaya sistem pengurusan wakaf mematuhi peraturan

<i>Pemboleh ubah</i> Min	Petunjuk	Peratus
<i>Saya percaya sistem pengurusan Wakaf mematuhi peraturan</i> 4.31	Sangat tidak setuju	0.8 %
	Tidak setuju	0.8 %
	Tidak Pasti	6.9 %
	Setuju	49.8 %
	Sangat setuju	41.7%

Min 4.31 daripada 5 menunjukkan masyarakat percaya sistem pengurusan wakaf mematuhi peraturan dan undang-undang Malaysia dengan hampir separuh responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Pengurusan wakaf di setiap negeri dalam Malaysia amat terikat dengan undang-undang dan peraturan. Sistem wakaf di Malaysia beroperasi di bawah kerangka tiga jenis undang-undang, iaitu hukum syarak, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan enakmen wakaf negeri (Syed Abdul Kader, 2016). Mahkamah Syariah Negeri pula mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada sah atau tidak sesuatu wakaf yang dilakukan oleh seorang Islam menurut hukum syarak jika perkara-perkara itu berbangkit semasa tuntutan harta pusaka si mati dilakukan (Manaf, 2020). Walaupun peraturan dan undang-undang wakaf di setiap negeri adalah tidak diselaraskan, namun kawal selia oleh pihak undang-undang terhadap wakaf memberikan kepercayaan kepada masyarakat bahawa sistem pengurusan wakaf mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

Jadual 3 menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan pernyataan “Saya percaya sistem pengurusan wakaf boleh dijadikan rujukan” dengan kutipan seramai 254 orang (49%) sangat setuju, seterusnya diikuti dengan 210 orang (40.5%) yang setuju dengan pernyataan ini, 45 orang (8.7%) tidak pasti, 4 orang (0.8%) tidak setuju dan 5 orang (1%) sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Min bagi pemboleh ubah ini adalah 4.36.

Jadual 3: Saya percaya sistem pengurusan wakaf boleh dijadikan rujukan

<i>Pemboleh ubah</i> Min	Petunjuk	Peratus
<i>Saya percaya sistem pengurusan Wakaf boleh dijadikan rujukan</i>	Sangat tidak setuju	1 %
	Tidak setuju	8 %
	Tidak Pasti	8.7%
	Setuju	40.5 %

Sangat setuju

49%

Skor min 4.36 adalah menunjukkan masyarakat Malaysia juga percaya dan hamper separuh responden sangat bersetuju bahawa sistem pengurusan wakaf boleh dijadikan rujukan. Lebih-lebih lagi apabila proses yang melibatkan wakaf adalah di bawah urus selia undang-undang negeri dan syarak. Melalui proses rujukan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri, hukum syarak diguna pakai untuk memutuskan fatwa berkaitan dengan mana-mana harta wakaf yang dirujuk. Mana-mana pihak tidak boleh menggunakan atau menguruskan wakaf di luar kawalan pihak-pihak yang berautoriti ini.

Jadual 4 juga memperlihatkan bahawa kebanyakan responden bersetuju dengan pernyataan “Saya percaya pihak pengurusan wakaf menyediakan kemudahan” dengan kutipan seramai 245 orang (47.3%) sangat setuju, seterusnya diikuti dengan 226 orang (43.6%) yang setuju dengan pernyataan ini, 39 orang (7.5%) tidak pasti, 3 orang (0.6%) tidak setuju dan 5 orang (1%) sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Min bagi pemboleh ubah ini ialah 4.36.

Jadual 4: Saya percaya pihak pengurusan wakaf menyediakan kemudahan

<i>Pemboleh ubah</i> Min	Petunjuk	Peratus
<i>Saya percaya pihak pengurusan Wakaf menyediakan kemudahan</i> 4.36	Sangat tidak setuju	1 %
	Tidak setuju	3 %
	Tidak Pasti	7.5 %
	Setuju	43.6 %
	Sangat setuju	47.3 %

Skor min 4.36 menunjukkan kepercayaan yang memuaskan terhadap pengurusan wakaf dalam menyediakan kemudahan kepada masyarakat. Wakaf merupakan salah satu bentuk ibadah dalam Islam yang mempunyai peranan yang besar dalam pembangunan ekonomi umat Islam hari ini seperti pembasmian kemiskinan, kesihatan, pendidikan, pusat rumah anak yatim, masjid dan juga tempat kediaman. Inovasi dalam pengurusan wakaf juga semakin bertambah dengan adanya wakaf kesihatan, wakaf pendidikan dan juga wakaf tunai (Mohd Ramli, 2019). Selain daripada menyediakan tempat fizikal untuk perundingan wakaf, medium pembayaran atau membayar wakaf juga telah mengikut peredaran masa dan disediakan oleh institusi pengurusan wakaf untuk kemudahan orang awam. Pengurusan pembayaran melalui kaedah konvensional iaitu kaunter fizikal kini telah digantikan melalui inovasi yang dibangunkan oleh pihak bank sebagai contoh dengan

memperkenalkan pembayaran elektronik (e-pembayaran) sebagai medium kaunter atas talian. Masyarakat mendapat lebih banyak kemudahan dan secara tidak langsung memajukan lagi amalan wakaf di kalangan masyarakat.

Jadual 5 pula menunjukkan bahawa kebanyakan responden bersetuju dengan pernyataan “Saya percaya sistem pengurusan wakaf adalah telus” dengan kutipan seramai 243 orang (46.9%) setuju, seterusnya diikuti dengan 231 orang (44.6%) yang sangat setuju dengan pernyataan ini, 34 orang (6.6%) tidak pasti, 2 orang (0.4%) tidak setuju dan 8 orang (1.5%) sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Min bagi pemboleh ubah ini ialah 4.33.

Jadual 5: Saya percaya sistem pengurusan wakaf adalah telus

<i>Pemboleh ubah</i> Min	Petunjuk	Peratus
<i>Saya percaya sistem pengurusan Wakaf adalah telus</i> 4.33	Sangat tidak setuju	1 %
	Tidak setuju	3 %
	Tidak Pasti	7.5 %
	Setuju	43.6 %
	Sangat setuju	47.3 %

Hasil analisis menunjukkan skor min 4.33 iaitu tahap kepercayaan masyarakat terhadap ketelusan sistem pengurusan wakaf adalah memuaskan dan hampir separuh responden sangat bersetuju. Ketelusan pihak wakaf dalam pengurusan akan meningkatkan lagi kredibiliti pihak wakaf sebagai pemegang amanah harta wakaf dan dalam masa yang sama keadaan ini akan meningkatkan lagi kepercayaan masyarakat yakni pewakaf terhadap Institusi dan juga pusat-pusat wakaf (Mahmood, Shahimi, Musafar Hameed, Mustaffha, 2017). Ketelusan juga boleh dicapai melalui kawalan dalaman. Kawalan dalaman merupakan mekanisme yang penting bagi mendorong sesebuah organisasi beroperasi dengan amalan yang baik termasuklah badan bukan berorientasikan keuntungan atau Non-Profit Organization (NPO) (Kamaruddin & Ramli , 2015) dan institusi-institusi wakaf. Antara faktor kejayaan NPO adalah disebabkan oleh amalan kawalan dalaman yang baik. Kajian Petrovits et al. (2011) membuktikan bahawa tahap sokongan yang rendah daripada orang ramai terutamanya penderma bagi sesebuah badan NPO adalah berpunca daripada kawalan dalaman yang lemah. Pada masa yang sama keadaan ini akan menjejaskan kedudukan NPO seperti institusi-institusi wakaf kerana sokongan daripada orang ramai adalah penting dalam membangunkan aktiviti wakaf terutamanya pewakaf. Terbukti bahawa maklumat kawalan dalaman amat penting dalam meningkatkan sokongan orang ramai terhadap perjalanan sesebuah organisasi.

Secara rumusan dari segi pengukuran skor min dan tahap analisis bagi skor min di dalam kajian ini adalah seperti di Jadual 6 di bawah:

<i>Pemboleh ubah</i>	Skor Min
Tahap	
<i>Tahap kepercayaan masyarakat</i>	
<i>Terhadap institusi Wakaf</i>	4.36
Setuju	

Secara keseluruhannya dalam menganalisis tahap kepercayaan masyarakat terhadap sistem pengurusan wakaf di institusi –institusi pengurusan wakaf adalah memuaskan berdasarkan min 4.36 yang membawa maksud setuju atau percaya terhadap pengurusan, undang-undang, rujukan, kemudahan dan ketelusan. Sebagai institusi agama, tadbir urus yang baik dalam sesebuah organisasi akan membantu kepada perkembangan organisasi. Penambahbaikan tadbir urus di Institusi ialah dengan menetapkan latihan yang berkesan dan konsisten di peringkat bawahan, terutamanya dalam bahagian pembangunan tanah wakaf yang mana dilihat potensi wakaf dalam kehidupan masyarakat adalah sangat besar. Namun, jika tersilap percaturan dalam mengendalikan dan membangunkan aset wakaf ini akan menjadikan wakaf seakan tidak banyak memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya pewakaf. Organisasi akan kehilangan kepercayaan masyarakat.

5. Kesimpulan

Institusi wakaf mempunyai potensi dalam membantu negara menjana pembangunan ekonomi ummah sekiranya diaplikasikan secara tepat dan menyeluruh. Potensi ini juga membentuk kepercayaan yang jitu terhadap organisasi. Malah ianya juga dapat meningkatkan sumber ekonomi orang Islam dalam sektor perkhidmatan dan perniagaan, bahkan dapat mengurangkan kadar kemiskinan di negara kita. Hasil daripada penyelidikan ini mendapati bahawa kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf di Malaysia berada di tahap yang baik. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat di Malaysia mempunyai sikap suka menderma. Malah tahap perkembangan wakaf yang dibangunkan oleh institusi wakaf juga telah meyakinkan masyarakat bahawa institusi pengurusan wakaf berhak untuk menjaga amanah dan tanggungjawab pewakaf untuk dibangunkan dan secara langsung dapat memberi banyak manfaat kepada masyarakat Islam di Malaysia. Oleh itu pihak MAIN haruslah memainkan peranan dalam memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai kepentingan wakaf dan meyakinkan masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf yang lebih tersusun dan profesional. Amalan berwakaf juga perlu dipromosikan kepada

umum secara lebih mendalam bagi memberi kesedaran tentang potensi wakaf sebagai medium pemacu ekonomi.

Penghargaan

Makalah ini merupakan sebahagian daripada dapatan kajian dalam geran penyelidikan yang bertajuk, “Wakaf Ekonomi Sebagai Model Baharu Pembangunan Ummah Secara Mampan.” Penyelidikan ini dijalankan secara kerjasama antara kumpulan pensyarah dari Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK). Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada penyumbang dana, para penyelidik, informan dan responden serta semua pihak yang terlibat sehingga penyelidikan ini selesai.

Rujukan

- Anan. (2012). *Pembangunan Tanah Wakaf: Cabaran dan Harapan*. Prosiding Seminar Peletakhakan Tanah Wakaf.
- Ahmad Fatim. (2017). *Tahap Kefahaman Mengenai Wakaf: Kajian Kes di Selangor*. Kolej Islam Antarabangsa Selangor. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)* e-ISBN: 978-967-2122-15-9 page 373-382
- Asykin. (2013). *Potensi Wakaf Korporat kepada Pemilikan Ekuiti Muslim: Kajian di Wakaf An-Nur Corporation*. Prosiding PERKEM VIII.
- Bannister, Frank & Connolly, Regina. (2011). *Trust and transformational government: A proposed framework for research*. *Government Information Quarterly - GOVT INFORM QUART*. 28. 137-147. 10.1016/j.giq.2010.06.010.
- Castillo, J.C, D Miranda, D & Pablo Torres, P. (2011). *Authoritarianism, Social Dominance and Trust in Public institution*. <http://mideuc.cl/wp-content/uploads/2011/11/1107-castillo-miranda-torres-2011-trust-SDO-RWA-ISPP.pdf>
- Creswell, J. W & Plano Clark, V. L. (2011). *Designing and conducting mixed methods research*. (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications Ltd.
- Esaiasson, Peter & Sohlberg, Jacob & Ghersetti, Marina & Johansson, Bengt. (2020). *How the coronavirus crisis affects citizen trust in institutions and in unknown others: Evidence from 'the Swedish experiment'*. *European Journal of Political Research*. 60. 10.1111/1475-6765.12419.
- Farhana. (2014). *Community Awareness and Understanding of Waqf in Malaysia: Experience of the States Islamic Religious Council*. *Muktamar Waqf IQLIMI 2014*: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hassan, N., Abdul Rahman,A., Yazid,Z.(2013). *Pengurusan Dan Pembangunan Wakaf Pendidikan: Kajian Kes Di Selangor, Malaysia*. *1st International Conference on Islamic Wealth Management*. 386-406 ISBN: 978-979-9152-02-2
- Ishi, K. (2007). *Short Report Do differences in general trust explain cultural differences in dispositionism?Japanese Psychological Research*, 49, 4, 282–287
- Kamaruddin, M.I.H. & Ramli, N.M. (2015). *Internal Control Practices in Islamic Non-Profit Organization in Malaysia*.
- Khamis, S. R., & Che Mohd Salleh, M. (2018). *Study on the Efficiency of Cash Waqf Management in Malaysia*. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 4(1)

- Kusumawati, D., Saifudin, S. (2020) *Pengaruh Persepsi Harga Dan Kepercayaan Terhadap Minat Beli Secara Online Saat Pandemi Covid-19 Pada Masyarakat Millenia Di Jawa Tengah*. *Jurnal Akuntansi & Bisnis*. Vol 6. <https://doi.org/10.21098/jimf.v4i1.732>
- Lewicki, R.J. & Wiethoff, C. (2000). *Trust, Trust Development, and Trust Repair*. In. M. Deutsch & P.T. Coleman (Eds.), *The handbook of conflict resolution: Theory and practice* (p. 86-107). San Francisco, CA: Jossey-Ba
- Mahmood, R. H., Mustaffha, N., Musafar Hameed, L. B., & Johari, N. (2017). *Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Isu Dan Cabaran*. *4th International Conference on Management and Muamalah 2017* (ICoMM 2017), 2017 (ICoMM), 43–51. <http://conference.kuis.edu.my/icommm/4th/e proceedings/IC 005.pdf>
- Manaf, S. (2020), *Undang-Undang Pentadbiran Pusaka, Wasiat Dan Wakaf*. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Mahmood, R.H., Shahimi, S., Musafar Hameed, L.B., Mustaffha, N., (2017). *Kawalan Dalam Tadbir Urus Wakaf Di Malaysia*. *Asian Journal of Accounting and Governance*. Vol 8 m/s 49-60. UKM Press.
- Mayer, R. C., Davis, J. H., Schoorman, F. D.: *An Integrative Model of Organizational Trust*, *Academy of Management Review* 20 (1995) 709-734.
- Mohd Ramli, A., (2019) . *Inovasi Model Wakaf Tunai Di Malaysia Berlandaskan Kepada Garis Panduan Fatwa*. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, Vo. 18, No.2. 2019 (Edisi Khas). Universiti Sains Islam Malaysia
- Norhaliza. (2009). *Categorization of Waqf Lands and Their Management Using Islamic Investment Models: the Case of The Stage of Selangor, Malaysia*: Unversiti Islam Antarabangsa.
- Nor Aishah, I., Azila, A. R., & Fidlizan, M. (2015). *Amalan Wakaf Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Kota Bharu Kelantan*. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. pp. 14-25
- Petrovits, C., Shakespeare, C. & Shih, A. (2011). *The causes and consequences of internal control problems in nonprofit organizations*. *The Accounting Review* 86(1): 325-357.
- Saunders, M; Lewis, P; Thornhill, A (2012). *Kaedah Penyelidikan untuk Pelajar Perniagaan* (Edisi ke-6)
- Skripnuk, D. F., Davydenko, V. A., Romashkina, G. F., & Khuziakhmetov, R. R. (2021). *Consumer Trust in Quality and Safety of Food Products in Western Siberia*. *Agronomy*, 11(2), 257.
- Singh, J. & Sirdeshmukh, D. (2000) *Agency and Trust Mechanisms in Consumer Satisfaction and Loyalty Judgments*. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 28, 150-167.
- Syed Abdul Kader, S.Z., (2016). *Kerangka Undang-Undang Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Ke Arah Keseragaman*. *Pusat Penyelidikan Wakaf Antarabangsa (ICWR), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)*.
- Sekaran, U. (2006). *Research methods for business: A skill building approach*. *John Wiley & Sons*.
- Yusoff, R., Liyana, N., Yousop, M., & Mara, U. T. (2019). *Tadbir Urus Wakaf: Satu Kajian Di Negeri Kelantan*. *April. Portal Jabatan Wakaf Zakat dan Haji*

